

**PELAKSANAAN KEM BESTARI SOLAT (KBS) PROGRAM J-QAF
DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH ZON Pengerang, JOHOR**

NOR AZLAN BIN HJ SALAI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**PELAKSANAAN KEM BESTARI SOLAT (KBS)
PROGRAM j-QAF DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH
ZON Pengerang, JOHOR**

NOR AZLAN BIN SALAI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat

Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan

(Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

2013

DEDIKASI

Ku abadikan buat insan-insan istimewa dalam hidupku...

Buat ayahanda dan bondaku yang kucintai

Hj Salai bin Hj Seerat & Hjh Ramlah binti Hj Muhammad

Hj Mohd Aripin bin Hj Muridon & Hjh Sejam binti Hj Mesran

*Tiada apa yang dapat ku ucapkan hanya restu kalian semua mengiringi setiap detik
perjalanan hidupku*

Doa, jasa dan pengorbanan kalian mengiringi kehidupan anakandamu ini

Teristimewa buat isteriku yang tersayang

Adinda Noraini Binti Hj Mohd Aripin

Segala pengorbanan, butir semangat dan keikhlasanmu tidak mampu kuungkapkan

Sokongan dan kasih sayangmu tidak bertepi sebagai pembakar semangatku

Untukku mengharungi dugaan dan rintangan ini

Hanya Allah sahaja yang Maha Mengetahui dan berhak menilainya

Buat anak-anak permata hatiku

Nur Hannan Balqis, Muhammad Afnan El Fateh dan Muhammad Luqman El Hakim

Kasih sayang kalian menjadi inspirasi dalam hidupku

Hanya Allah sahaja yang Maha Mengetahui dan berhak membalasnya

Buat penyelia yang dihormati lagi disegani

Prof. Madya Dr. Yusof Boon

Segala butir katamu, tunjuk ajar dan bimbinganmu jadi ingatan dalam hidupku

Tidakku mampu membalas jasa budimu

Hanya Allah yang mampu menilai dan membalas segala kesabaranmu membimbingku

Buat sahabat handai, rakan seperjuanganku

Segala dorongan, panduan dan nasihat kalian sepanjang perjuangan ini

Hanya Allah sahaja yang dapat membalas dengan seadilnya atas budi baik kalian

Semoga diberkati, dirahmati dan diredhai Allah jua hendaknya...

PENGHARGAAN

Pertama sekali, setinggi kesyukuran dipanjatkan ke Hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia, keizinan dan inayah-Nya, kajian Pelaksanaan Kem Bestari Solat (KBS) Program j-QAF Sekolah-sekolah Zon Pengerang ini dapat disiapkan dan disempurnakan. Selawat dan Salam ke atas Nabi junjungan tercinta Muhammad s.a.w. yang sentiasa dirindui membawa rahmat ke serata alam.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Dr. Yusof Boon yang tidak jemu memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya dari mula sehinggalah kajian ini selesai. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada semua pensyarah UTM yang pernah mencurahkan bakti mereka di kelas Pesisir Kota Tinggi ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pentadbir dan guru-guru yang sudi meluangkan masa untuk menjadi responden dalam kajian saya ini. Penghargaan ini ditujukan kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini.

Akhir sekali, kepada rakan seperjuangan yang telah bersama-sama mengharungi segala suka dan duka sepanjang proses pembelajaran ini. Semangat setia kawan dan keikhlasan membantu serta sedia berkongsi segala maklumat akan saya ingat buat selamanya. Bersamalah kita memanjatkan doa ke hadrat Allah SWT agar menjadikan segala apa yang kita sama-sama lakukan dan sumbangkan ini sebagai amal soleh yang amat bermakna kepada kehidupan dunia dan akhirat.

ABSTRAK

Pelbagai usaha ke arah pemantapan dan pemeliharaan aqidah pelajar telah dibuat melalui kurikulum dan aktiviti kokurikulum Pendidikan Islam. Antara aspek yang telah diberi penekanan dalam sistem Pendidikan Islam di Malaysia adalah amalan solat di kalangan pelajar. Solat mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam Islam. Solat merupakan rukun Islam yang kedua juga menjadi asas atau tiang agama. Mendirikan dan mengamalkan solat adalah merupakan ketundukan dan kepatuhan seseorang muslim terhadap Allah S.W.T. Justeru, pengenalan aktiviti Kem Bestari Solat (KBS) menerusi program j-QAF ini merupakan satu pendekatan KBS Program j-QAF di Sekolah-sekolah Rendah di zon Pengerang, Johor. Kajian ini melibatkan Guru-guru j-QAF di empat belas buah Sekolah Rendah di zon Pengerang. Aspek kajian ini melibatkan persepsi, amalan dan masalah yang dihadapi oleh guru terhadap pelaksanaan program KBS yang dijalankan. Data dikumpul melalui soal selidik. Semua data telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Sciences* (SPSS) versi 16.0. Dapatan kajian menunjukkan persepsi guru terhadap pelaksanaan KBS berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min sebanyak 4.11. Begitu juga dengan tahap amalan guru dengan nilai min sebanyak 3.97. Manakala dari sudut masalah pula berada pada tahap yang sederhana dengan nilai min sebanyak 3.40. Hasil Ujian-t terhadap kesemua konstruk kajian iaitu persepsi, amalan dan masalah menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru $p = 0.951 > \alpha 0.05$, tahap amalan guru $p = 0.834 > \alpha 0.05$, dan masalah guru $p = 0.347 > \alpha 0.05$, terhadap pelaksanaan KBS mengikut jantina. Di akhir kajian ini penulis turut memberikan beberapa cadangan untuk tujuan penambahbaikan.

ABSTRACT

Various efforts towards strengthening and preservation of the faith students have made through the curriculum and co-curricular activities of Islamic education. Among the aspects that were emphasized in Islamic education system in Malaysia is the practice of prayer among students. Prayer has a very important position in Islam. Prayer is the second pillar of Islam which is also the basis of religion or pole. Establish and practice prayer is submission and obedience to Allah as a Muslim. Thus, the introduction of the Kem Bestari Solat (KBS) activities through the j-QAF program is an approach that was introduced by the Ministry of Education to encourage and develop students to be able complete his prayer in their daily lives. The purpose of this study was to review the implementation of the KBS j-QAF program in Primary Schools in Zone Pengerang, Johor. The study involved teachers in j-QAF fourteen primary schools in Zone Pengerang. Aspects of the study are perceptions, practices and problems faced by the teachers on the implementation of the KBS ever conducted in Schools study. Data were collected through questionnaires. All data were analyzed using Statistical Package For The Social Sciences (SPSS) version 16.0. The findings showed the perception of teachers on the implementation of the KBS high mean value of 4.11. Similarly, the level of teacher practices mean value of 3.97. While the problem of the simple mean value of 3.40. The result of t-test for all constructs of the perception study, practice and problem pointed out there is no significant difference between the perception of a teacher $p = 0.951 > \alpha 0.05$, the level of teacher practices $p = 0.834 > \alpha 0.05$, and teachers $p = 0.347 > \alpha 0.05$ on the implementation of KBS by gender. At the end of this study the author also provided some suggestions for improvements.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	<i>ABSTRACT</i>	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI SIMBOL	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	5

1.5	Persoalan Kajian	6
1.6	Hipotesis	6
1.7	Kerangka Teori / Model	7
1.8	Kerangka Kajian	7
1.9	Kepentingan Kajian	9
1.10	Batasan Kajian	10
1.11	Prosedur Kajian	10
1.12	Definisi Istilah / Operasional	11
1.12.1	Definisi pelaksanaan	11
1.12.2	Definisi persepsi	12
1.12.3	Definisi amalan	12
1.12.4	Definisi masalah	13
1.12.5	Definisi Kem Bestari Solat	13
1.12.6	Definisi konsep program j-QAF	14
1.12.7	Definisi Sekolah Rendah	15
1.13	Penutup	15

2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	16
2.2	Teori / Model	17
2.2.1	Strategi Pelaksanaan Kem Bestari Solat	17
2.2.2	Agihan Tugas	18
2.2.3	Jawatankuasa Pelaksana	20
2.2.4	Kewangan	20
2.2.5	Fasilitator	21
2.2.6	Peraturan Pelaksanaan	21
2.3	Kajian Terdahulu	21
2.4	Penutup	23

3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	24
3.2	Reka Bentuk Kajian	24
3.3	Lokasi Kajian	25
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	25
3.5	Instrumen Kajian	27
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	30
3.7	Analisis Data	30
3.8	Kajian Rintis	33
3.9	Penutup	34

4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	35
4.2	Demografi Responden	36
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	36
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	37
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Pengkhususan	38
4.3	Analisis Dapatan Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian	38
4.4	Dapatan Persoalan Kajian 1 : Apakah Persepsi Guru-guru j-QAF Di Zon Pengerang Terhadap Program Kem Bestari Solat ?	39
4.5	Dapatan Persoalan Kajian 2 : Apakah Tahap Amalan Guru-guru j-QAF Terhadap Pelaksanaan Program Kem Bestari Solat ?	41

4.6	Dapatan Persoalan Kajian 3 : Apakah Masalah Yang Dihadapi Dalam Melaksanakan Program Kem Bestari Solat ?	42
4.7	Dapatan Persoalan Kajian 4 : Adakah terdapat Perbezaan Persepsi Guru-guru j-QAF Dalam Pelaksanaan Kem Bestari Solat Mengikut Jantina ?	45
4.8	Dapatan Persoalan Kajian 5 : Adakah Terdapat Perbezaan Tahap Amalan Guru-guru j-QAF Dalam Pelaksanaan Kem Bestari Solat Mengikut Jantina ?	46
4.9	Dapatan Persoalan Kajian 6 : Adakah Terdapat Perbezaan Masalah Guru-guru j-QAF Dalam Pelaksanaan Kem Bestari Solat Mengikut Jantina ?	47
4.10	Penutup	48

5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	49
5.2	Rumusan Kajian	49
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	51
5.3.1	Persepsi Guru-guru j-QAF Di Zon Pengerang Terhadap Pelaksanaan Program Kem Bestari Solat	51
5.3.2	Amalan Guru-guru j-QAF Di Zon Pengerang Terhadap Pelaksanaan Program Kem Bestari Solat	52

5.3.3	Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru-guru j-QAF Terhadap Pelaksanaan Program Kem Bestari Solat di Zon Pengerang	52
5.3.4	Adakah Terdapat Perbezaan Persepsi Guru-guru j-QAF Dalam Pelaksanaan Kem Bestari Solat Mengikut Jantina ?	54
5.3.5	Adakah Terdapat Perbezaan Amalan Guru-guru j-QAF Dalam Pelaksanaan Kem Bestari Solat Mengikut Jantina ?	55
5.3.6	Adakah Terdapat Perbezaan Pada Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru-guru j-QAF Dalam Pelaksanaan Kem Bestari Solat Mengikut Jantina ?	55
5.4	Cadangan Tindakan	56
5.4.1	Cadangan Berdasarkan Dapatan Kajian	56
5.4.2	Cadangan Kajian Lanjutan	57
5.5	Penutup	58
	BIBLIOGRAFI	59
	LAMPIRAN	62

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Kajian	8

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
3.1	Bilangan Guru j-QAF di Sekolah-sekolah Kebangsaan Di Zon Pengerang	26
3.2	Rekabentuk Soal Selidik Kem Bestari Solat	28
3.3	Taburan Item Bahagian B, C Dan D Mengikut Aspek Kajian	29
3.4	Tafsiran Pengkelasan Min	31
3.5	Analisis Data Berdasarkan Objektif Kajian	32
3.6	Tafsiran Pengkelasan Nilai Alpha	33
4.1	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	36
4.2	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	37
4.3	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Pengkhurusan Dalam Bidang Perkhidmatan	38
4.4	Analisis Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Kem Bestari Solat	40
4.5	Analisis Tahap Amalan Guru-guru j-QAF Terhadap Pelaksanaan Kem Bestari Solat	41
4.6	Analisis Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Melaksanakan Program Kem Bestari Solat	43

4.7	Perbandingan Persepsi Guru-guru j-QAF Dalam Pelaksanaan Kem Bestari Solat Mengikut Jantina	45
4.8	Perbandingan Amalan Guru-guru j-QAF Dalam Pelaksanaan Kem Bestari Solat Mengikut Jantina	46
4.9	Perbandingan Masalah Guru-guru j-QAF Dalam Pelaksanaan Kem Bestari Solat Mengikut Jantina	47

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	:	Analysis of Variance
dll	:	Dan Lain-lain
dlm	:	Dalam
dsb	:	Dan Sebagainya
GPK	:	Guru Penolong Kanan
JAPIM	:	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
JPN	:	Jabatan Pelajaran Negeri
KAFA	:	Kelas Agama Fardhu Ain
KBS	:	Kem Bestari Solat
KPM	:	Kementerian Pelajaran Malaysia
LDK	:	Latihan Dalam Kumpulan
PIBG	:	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PPD	:	Pejabat Pelajaran Daerah
P&P	:	Pengajaran Dan Pembelajaran
S	:	Setuju
SPSS	:	Statistical Package For The Social Science
SRJK	:	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan
SS	:	Sangat Setuju
STS	:	Sangat Tidak Setuju
S.A.W.	:	Sallallahu 'Alaihi Wasallam
S.W.T.	:	Subhanahu Wa Ta'ala
TP	:	Tidak Pasti
TS	:	Tidak Setuju
Y.A.B	:	Yang Amat Berhormat

SENARAI SIMBOL

&	:	Dan
Df	:	Degree of Freedom
F	:	Frekuensi
±	:	Lebih Kurang
α	:	Nilai Alpha
%	:	Peratus
=	:	Sama Dengan

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Surat Pengesahan Status Pelajar	63
B	Surat Kebenaran Membuat Kajian	65
C	Borang Soal Selidik	68
D	Data-data <i>SPSS</i>	73

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem Pendidikan Islam di Malaysia mengalami banyak perubahan bagi mempertingkatkan dan memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Perubahan tersebut memberi implikasi kepada antara lain penambahbaikan kurikulum, pemantapan kaedah dan teknik mengajar, pengenalan program pengukuhan dan peningkatan profesionalisme guru pendidikan Islam. Secara umum, struktur organisasi kurikulum pendidikan Islam adalah berteraskan kepada kesepaduan ilmu naqli dan aqli serta keseimbangan ilmu duniawi dan ukhrawi. Justeru, pembahagian kurikulum pendidikan Islam terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu Tilawah al-Quran, Ulum Syariah serta Adab dan Akhlak Islam.

Pelbagai pihak perlulah memberikan perhatian yang serius berkenaan dengan amalan solat di kalangan murid. Ini kerana kewajipan solat merupakan tanggungjawab individu muslim yang paling asas sebelum memenuhi tuntutan kewajipan lain dalam rukun Islam. Sabda Rasulullah S.AW. :

Ditegakkan Islam atas lima, pengakuan syahadah iaitu tidak ada Tuhan (yang disembah dengan sebenarnya) melainkan Allah, pengakuan bahawa Nabi Muhammad Rasulullah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menunaikan haji dan berpuasa di bulan Ramadan.

(Riwayat al-Bukhari dari Ibn Hibban)

Malah, Islam menganggap solat sebagai tiang agama yang membina teguh keimanan dan ketaqwaan dalam diri individu muslim. Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam sabda Baginda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Sembahyang itu tiang agama, barang siapa yang meninggalkannya bermakna dia meruntuhkan agamanya”

(Riwayat Baihaqy dari Ikramah)

Pembangunan insan yang dikehendaki dalam Islam meliputi pembangunan jasmani dan rohani. Sebagaimana unsur jasmani mempunyai tuntutan dan keperluan yang perlu dipenuhi, maka begitu juga unsur rohani yang mempunyai tuntutan dan keperluan yang sesuai dengan tabiat kerohaniannya (Haron 2002). Solat merupakan keperluan asas yang mesti dipelihara oleh setiap muslim sebagai pengisian rohani. Pelaksanaan solat yang tawaddu' dan ikhlas pasti memberi impak yang positif terhadap pembangunan insan yang seimbang dan harmonis.

Atas kesedaran inilah pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Model Kem Bestari Solat menerusi program j-QAF bagi tujuan membendung masalah yang timbul berkaitan amalan solat dalam kalangan murid. Aktiviti kokurikulum yang lebih berbentuk amali ini diharapkan mampu menarik minat murid untuk mengikuti dan mempelajari ibadah solat dan seterusnya diharapkan amalan solat ini menjadi rutin yang sehati dalam diri mereka.

Program ini telah dilaksanakan pada tahun 2005 bermula dengan murid tahun satu dan program ini telah berjalan untuk tempoh lapan tahun. Justeru, bagi mengenalpasti sejauh mana keberkesanan pelaksanaan Model Kem Bestari Solat ini satu kajian perlu dilakukan. Kajian ini juga perlu untuk melihat kekuatan dan kelemahan yang ada, di samping mengenal pasti masalah yang dihadapi sepanjang pelaksanaan program ini selama lapan tahun. Justeru, kajian ini akan meneliti dan seterusnya menjawab persoalan berkenaan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Penerapan Pendidikan Fardhu Ain perlulah diperkenalkan kepada anak-anak diawal peringkat usia mereka lagi. Pendedahan dan didikan awal ini mampu memberi kesan yang sangat baik disepanjang proses tumbesaran mereka. Menjelang usia dewasa mereka nanti, amalan-amalan yang berkaitan dengan fardhu ain bukanlah suatu yang asing bagi mereka malah mudah untuk diamalkan dan sukar untuk mereka tinggalkan kerana amalan-amalan ini telah sebatikan dalam diri mereka. Rasulullah telah memberikan garis panduan kepada kita hal-hal yang berkaitan dengan amalan fardhu ain khususnya dalam ibadah solat. Banyak petikan hadis yang menerangkan berkenaan solat dan kepentingannya.

J-QAF adalah singkatan perkataan yang mengandungi empat pengertian iaitu Jawi, al-Quran, Arab dan Fardhu Ain. Program j-QAF ini telah diperkenalkan di sekolah-sekolah rendah yang terpilih bermula pada tahun 2005 bermula dengan murid tahun satu. Kementerian Pelajaran Malaysia berusaha dalam menerapkan program j-QAF ini di sekolah-sekolah rendah seluruh Malaysia dari tahun ke tahun sehingga kini. Program ini adalah bertujuan untuk memperkukuhkan Pendidikan Islam melalui penekanan dalam pelajaran Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyelaraskan penggunaan modul, Buku Panduan Pelaksanaan Model-model Pengajaran dan Pembelajaran serta memper-

kenalkan dan menyusun kokurikulum j-QAF mengikut keperluan model dan modul yang perlu dilaksanakan. Dalam usaha menjayakan program j-QAF ini, guru-guru akan diberikan latihan khusus untuk melaksanakan pemulihan, bimbingan, pengukuhan, pengayaan dan penghayatan pelajar (Ibrahim Hashim et.al. 2009).

1.3 Pernyataan Masalah

Projek j-QAF merupakan satu aspirasi murni kerajaan untuk merealisasikan Pendidikan Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain. Susunan model-model dalam program ini amat terancang dan relevan untuk dimajukan dari semasa ke semasa. Model Kem Bestari Solat adalah sebahagian daripada program j-QAF yang wajib dilaksanakan di sekolah. Kem Bestari Solat ini dilaksanakan untuk memastikan murid-murid dapat menguasai dan seterusnya menunaikan solat dengan sempurna dari segi bacaan dan perbuatan dan yang berkaitan dengannya. Aktiviti ini dilaksanakan secara intensif di satu tempat khas mengikut kesesuaian sesebuah sekolah dan pelaksanaannya di luar waktu persekolahan. Walaupun ianya satu bentuk aktiviti kokurikulum, semua sekolah perlu melaksanakannya seperti yang telah ditetapkan dalam buku panduan. Pentadbir sekolah pula bertanggungjawab untuk menggerakkan pelaksanaan kem ini.

Hasil dari kesedaran dalam menitikberatkan soal kepentingan agama inilah maka teretusnya lontaran idea dan keinginan untuk mempertingkatkan ilmu dan tahap amalan seterusnya mengharapakan penyusunan program j-QAF ini dapat dilaksanakan di semua sekolah yang mempunyai murid yang beragama islam di seluruh Negara. Bilamana program ini berjaya dilaksanakan, kesan atau impak daripada amalan murid tadi tentunya sangat positif. Sudah barang tentu kesedaran murid terhadap penghayatan ilmu dapat menghindarkan mereka daripada melakukan gejala yang tidak sihat seterusnya menyumbang kepada akhlak dan sahsiah yang hanya merugikan agama, bangsa dan negara.

Justeru, penulis merasa terpanggil untuk melihat keberkesanan dan hasil pencapaian program ini khusus dalam aspek bestari solat. Selain dapat menganalisis persepsi guru-guru berkenaan pengetahuan mereka terhadap modul pelaksanaan Kem Bestari Solat, tahap amalan guru-guru dan permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan dasar kerajaan juga akan dapat dinilai. Kajian ini juga akan membantu menambah baik dan mengukuhkan lagi perjalanan pelaksanaan program Kem Bestari Solat pada siri mendatang dan dapat memantapkan lagi kaedah amalan dan penyelesaian kepada masalah yang timbul. Hal ini secara tidak langsung mampu merangka penambahbaikan hasil dari dapatan kajian ini nanti. Besar harapan penulis bertitik tolak dari sinilah akan menentukan impak dan kesan yang sangat besar terhadap pembentukan peribadi dan sahsiah pelajar.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji persepsi, amalan dan masalah guru-guru j-QAF dalam melaksanakan Kem Bestari Solat.

Secara khusus, objektif kajian berkenaan Kem Bestari Solat ini adalah bertujuan untuk :

- i. Mengenalpasti persepsi guru-guru j-QAF di Zon Pengerang terhadap program Kem Bestari Solat.
- ii. Mengenalpasti tahap amalan guru-guru j-QAF terhadap pelaksanaan program Kem Bestari Solat.
- iii. Mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam melaksanakan program Kem Bestari Solat.
- iv. Mengenalpasti samada terdapat perbezaan persepsi, amalan dan masalah guru-guru j-QAF dalam pelaksanaan Kem Bestari Solat mengikut jantina.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian, hasil kajian ini diharapkan dapat menjawab persoalan-persoalan berikut :

- i. Apakah persepsi guru-guru j-QAF di Zon Pengerang terhadap program Kem Bestari Solat.
- ii. Apakah tahap amalan guru-guru j-QAF terhadap pelaksanaan program Kem Bestari Solat.
- iii. Apakah masalah yang dihadapi dalam melaksanakan program Kem Bestari Solat.
- iv. Apakah terdapat perbezaan persepsi guru-guru j-QAF dalam pelaksanaan Kem Bestari Solat mengikut jantina.
- v. Apakah terdapat perbezaan amalan guru-guru j-QAF dalam pelaksanaan Kem Bestari Solat mengikut jantina.
- vi. Apakah terdapat perbezaan masalah guru-guru j-QAF dalam pelaksanaan Kem Bestari Solat mengikut jantina.

1.6 Hipotesis

H₀1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru j-QAF terhadap pelaksanaan Program Kem Bestari Solat mengikut jantina.

H₀2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap amalan guru-guru j-QAF terhadap pelaksanaan Program Kem Bestari Solat mengikut jantina.

H₀3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah guru-guru j-QAF terhadap pelaksanaan Program Kem Bestari Solat mengikut jantina.

1.7 Kerangka Teori / Model

Penghayatan ibadah menerusi pengetahuan dan pemahaman tentang peraturan dan disiplin ibadah hendaklah diberikan kepada murid. Justeru, objektif pengenalan Model Kem Bestari Solat secara umum adalah untuk memastikan murid-murid dapat menunaikan solat dengan sempurna dari segi bacaan, perbuatan, ilmu pengetahuan dan penghayatan. Manakala bagi murid tahun satu khususnya, objektif aktiviti Kem Bestari Solat adalah supaya (i) murid dapat berwuduk dengan sempurna, (ii) murid dapat mengetahui bilangan rakaat solat fardhu, (iii) murid dapat melaksanakan semua perbuatan serta bacaan dalam solat dengan betul dan lancar, dan (iv) murid dapat melaksanakan solat dengan sempurna, sama ada secara bersendirian atau berjemaah.


Dari segi pelaksanaannya, aspek solat ini ditekankan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Ulum Syariah dalam pendidikan Islam. Ini bermakna, guru j-QAF bersama guru pendidikan Islam akan menggunakan sebahagian daripada waktu pendidikan Islam untuk menerap dan mengukuhkan aspek solat kepada murid-murid secara mingguan (j-QAF. Buku Panduan Perlaksanaan Model-model Pengajaran dan Pembelajaran dan Kokurikulum, 2004).

Bagi memberikan panduan yang jelas berhubung Model Kem Bestari Solat, pihak KPM membekalkan bahan kurikulum pengajaran solat ke sekolah-sekolah. Ini termasuklah Sukatan Pelajaran Kem Bestari Solat, Buku Panduan Model Pengajaran dan Pembelajaran, dan Kurikulum j-QAF.

1.8 Kerangka Kajian

Kerangka kajian ini berfokus kepada aspek penilaian terhadap pelaksanaan Model Kem Bestari Solat program j-QAF di Sekolah-sekolah Kebangsaan di zon Pengerang. Kajian ini merupakan satu tinjauan yang dijalankan terhadap guru-guru j-QAF di Sekolah-sekolah Kebangsaan yang melaksanakan program j-QAF di bawah

Kementerian Pelajaran Malaysia. Kerangka kajian ini melibatkan 30 orang guru j-QAF daripada 14 buah sekolah di zon Pengerang. Kajian ini akan mengenalpasti persepsi guru j-QAF terhadap program Kem Bestari Solat, tahap amalan mereka serta masalah yang mereka hadapi dalam melaksanakan program Kem Bestari Solat ini. Seterusnya kajian ini juga akan mengenalpasti samada terdapat hubungan yang signifikan terhadap persepsi, amalan dan masalah mereka mengikut faktor jantina. Kerangka kajian ini digambarkan sebagaimana rajah berikut :



Rajah 1.1 : Kerangka kajian

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting untuk diamati oleh pihak-pihak tertentu khususnya organisasi guru kerana golongan guru adalah mereka yang melaksanakan dasar seterusnya keberhasilan dan kemenjadian seseorang murid itu bermula dari mereka. Hasil dapatan yang bakal diperolehi nanti juga diharap mampu memberikan suatu rangsangan kepada pihak PPD untuk memantau hasil pelaksanaan program ini di setiap pelusuk sekolah, seterusnya membuat penambahbaikan terhadap proses pelaksanaan program Kem Bestari Solat ini.

Pihak sekolah juga perlu memainkan peranannya untuk merancang kurikulum Pendidikan Islam yang benar-benar mampu mempertingkatkan keupayaan pelajar dalam penguasaan fardhu ain terutamanya dalam bab solat. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi pendedahan dan gambaran sebenar tentang tahap keupayaan pelajar berhubung penguasaan dan penghayatan mereka terhadap perkara-perkara keagamaan melalui terjemahan sahsiah, akhlak dan keperibadian mereka samada dalam masyarakat sekolah mahupun masyarakat luar. Pelbagai maklumat yang melibatkan tugas dan tanggungjawab mereka di sekolah dijangka dapat memberi kesedaran kepada mereka dan daripada maklumat yang diperolehi itu mereka diharapkan akan berusaha lebih kuat untuk memperbaiki kelemahan sendiri dalam bidang tersebut. Usaha seperti ini sudah tentu dapat dimanfaatkan sepenuhnya kepada para pelajar dengan bantuan dan dorongan dari semua pihak.

Kepada pihak sekolah dan ibu bapa, hasil kajian ini diharapkan akan membolehkan pihak berkenaan mengenalpasti prestasi dan tahap penguasaan bacaan dalam solat pelajar secara lebih dekat, mengesan kelemahan dan kerumitan serta mengenal pasti masalah yang selama ini membelenggu pelajar. Melalui pendedahan dan maklumat yang diperolehi, pihak sekolah boleh melihat keadaan sebenar yang berlaku di sekolah dan tentunya dapat membantu pentadbir sekolah merancang dan mengemaskini pelbagai keperluan dan kemudahan kepada pelajar. Kajian ini juga boleh membantu

guru-guru yang berkaitan untuk diberikan latihan-latihan dan kemahiran dari semasa ke semasa agar dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih yakin dan sempurna.

Kepada pelajar-pelajar pula kajian ini dapat membantu mereka mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong atau merangsang kecenderungan mereka dibidang agama, tidak kurang juga tindakan yang perlu dilakukan untuk mengatasi kelemahan mereka ke arah pencapaian yang lebih berkesan dan berusaha membuat latihan dan aktiviti yang dapat meningkatkan prestasi mereka dari masa ke masa.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini hanya tertumpu di Sekolah-sekolah Kebangsaan di zon Pengerang. Penyelidikan ini melibatkan 30 orang guru daripada 14 buah Sekolah Kebangsaan yang melaksanakan program j-QAF di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada guru-guru j-QAF sahaja di sekolah tersebut. Kajian ini akan mengenalpasti persepsi, tahap amalan dan masalah yang dihadapi dalam melaksanakan program Kem Bestari Solat. Selain dari itu juga, kajian ini akan mengenalpasti samada terdapat perbezaan persepsi, amalan dan masalah guru-guru j-QAF dalam pelaksanaan Kem Bestari Solat mengikut jantina. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen dalam memperolehi maklumat yang diperlukan berkenaan dengan kajian. Untuk menentukan tahap kebolehpercayaan pula, satu kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian sebenar dibuat.

1.11 Prosedur Kajian

Sesuatu kajian yang hendak dijalankan hendaklah mengikut peraturan dan prosedur kajian. Kajian ini dijalankan mengikut tatacara umum bilamana sesuatu kajian akan dijalankan. Prosedur untuk pengumpulan data kajian dimulakan dengan memohon surat pengenalan diri sebagai pelajar di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi

Malaysia. Langkah ini adalah perlu, kerana ianya adalah sebagai bukti kepada pihak sekolah yang hendak dikaji, bahawa kajian yang akan dijalankan merupakan sebahagian daripada keperluan pengajian. Selain itu, ianya juga sebagai makluman yang kajian ini merupakan tinjauan semata-mata dan sama sekali tidak bermaksud untuk menilai prestasi mana-mana sekolah yang terlibat.

Permohonan untuk melakukan kajian ini diajukan kepada Pejabat Pelajaran Daerah untuk mendapatkan kebenaran menjalankan kajian di sekolah-sekolah dalam Daerah kajian dibuat. Kebenaran ini adalah amat perlu kerana kajian ini melibatkan kajian di bawah bidang kuasa pihak Pejabat Pelajaran Daerah sebagai responden.

Setelah surat kebenaran diperolehi, barulah kajian ini boleh dijalankan. Dokumen tersebut akan dikemukakan kepada guru besar atau pengetua sekolah yang akan dikaji untuk memaklumkan tentang tujuan kajian dan seterusnya memohon kerjasama untuk mengizinkan kajian ini dijalankan di sekolah tersebut.

Setelah itu, pengkaji akan membuat pemerhatian dan temubual dengan beberapa orang guru yang akan dikaji. Borang soal selidik diedarkan kepada responden yang terpilih. Responden diberikan tempoh masa seminggu untuk menjawab soalan dalam borang soal selidik dan pengkaji menyatakan penghargaan kepada setiap responden yang sudi bekerjasama dalam melengkapkan jawapan dalam borang soal selidik. Borang yang telah lengkap kemudian dikumpulkan dan dianalisis bagi mendapatkan data mentah sebelum diuji bagi menjawab persoalan kajian.

1.12 Definisi Istilah Dan Operasional

1.12.1 Pelaksanaan

Menurut Kamus Pelajar Edisi kedua (2008) pelaksanaan memberi maksud perbuatan atau hal melaksanakan (mengusahakan atau menjalankan) sesuatu.

Manakala menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2007) pelaksanaan bermaksud perihal, perbuatan atau proses melaksanakan (menjalankan atau mengusahakan) rancangan (tugas dsb).

Adapun menurut kajian ini, pelaksanaan bermaksud perbuatan menjalankan atau proses melaksanakan sesuatu rancangan atau tugasan.

1.12.2 Persepsi

Menurut Kamus Pelajar Edisi kedua (2008), persepsi bermaksud gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu. Selain itu juga, ianya membawa maksud pandangan menerusi pancaindera atau tanggapan terhadap sesuatu perkara.

Manakala menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2007) pula, persepsi adalah gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu. Ia juga membawa maksud pandangan atau tanggapan.

Adapun dalam kajian ini, persepsi adalah proses yang menerima data deria dan seterusnya memberi makna atau interpretasi terhadap sesuatu rangsangan oleh individu sama ada berbentuk pandangan, tanggapan, gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu.

1.12.3 Amalan

Menurut Kamus Pelajar Edisi kedua (2008), amalan bermaksud perbuatan yang baik-baik. Selain itu, amalan juga ditakrifkan sebagai perbuatan yang biasa dilakukan (kebiasaan).

Manakala menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2007) pula, amalan merujuk kepada sesuatu yang dilakukan (dilaksanakan, dikerjakan dsb) sebagai suatu kebiasaan yang sebenarnya berlaku atau terdapat, pd praktiknya, pd kebiasaannya. Selain itu juga, amalan bermaksud perbuatan baik atau kebajikan.

Adapun dalam kajian ini, amalan merujuk kepada sesuatu perbuatan yang biasa dilakukan, dibuat, dilaksanakan atau dikerjakan.

1.12.4 Masalah

Kamus Pelajar Edisi kedua (2008) telah mendefinisikan masalah sebagai sesuatu yang mesti diselesaikan.

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2007) pula, masalah adalah sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran (kesulitan). Dari sudut matematik pula, masalah merujuk kepada soalan atau kenyataan yang memerlukan penyelesaian biasanya dengan beberapa perkiraan.

Adapun dalam kajian ini, masalah bermaksud suatu perkara atau keadaan yang memerlukan penyelesaian.

1.12.5 Kem Bestari Solat

Kem Bestari Solat adalah aktiviti yang dilaksanakan untk memastikan murid dapat menunaikan solat dengan sempurna dari segi bacaan dan perbuatan. Aktiviti ini dilaksanakan secara intensif di satu tempat khusus mengikut kesesuaian sesebuah sekolah. (Buku panduan pelaksanaan model-model pengajaran dan pembelajaran dan kokurikulum, Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia 2006).

Aktiviti model Kem Bestari Solat ini dilaksanakan secara latih tubi diluar waktu persekolahan samada di dalam atau luar kawasan sekolah. Hal ini adalah bergantung dengan kesesuaian. Antara pengisian aktiviti Kem Bestari Solat ialah bermula dengan wudhuk dan bahagiannya termasuklah latihan amali mengambil wudhuk. Aktiviti seterusnya adalah perkara-perkara berkenaan dengan solat termasuklah bacaan dalam solat, perkara-perkara yang berkaitan dengan solat seperti rukun, syarat sah dan batal solat dan wudhuk, amali solat dan pelaksanaan solat berjemaah. Tambahan pula aktiviti seumpama ini amat bersesuaian dengan tahap murid sekolah rendah yang berada dalam alam kanak-kanak. Islam sendiri menekankan bahawa penyampaian ilmu dan pendidikan itu seharusnya sesuai dan menepati tahap murid. Justeru itu, aktiviti berbentuk amali ini pastinya dapat memberi kesan positif kepada pembelajaran murid (Asmawati & Lukman 2009).

Melalui definisi di atas, pengkaji berpendapat bahawa program Kem Bestari Solat ini diwujudkan bagi tujuan melahirkan murid yang faham dan dapat menguasai sepenuhnya perkara yang berkaitan dengan ibadah wuduk dan solat. Kefahaman yang dimaksudkan dalam program ini ialah murid yang sempurna dari segi perlakuan wuduknya. Solat yang sempurna pula bermaksud menguasai dengan sempurna dalam perlakuan syarat dan rukunnya.

1.12.6 Konsep Program j-QAF

Program j-QAF adalah suatu usaha memperkasakan pendidikan Islam melalui penekanan khusus dalam pengajaran Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain yang dilaksanakan di peringkat sekolah rendah. Pelaksanaan program ini menggunakan kurikulum serta model dan modulnya yang tersendiri. Tenaga guru yang khusus digunakan untuk pemulihan, bimbingan, kemahiran, pengukuhan, pengayaan dan penghayatan murid. Pelaksanaannya menggunakan jadual waktu sedia ada (JAPIM 2006).

1.12.7 Sekolah Rendah

Istilah Sekolah Rendah dalam kajian adalah merujuk kepada Sekolah Kebangsaan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Sekolah Rendah merupakan pendidikan awal kanak-kanak yang diwajibkan oleh KPM kepada semua pelajar yang berusia 7 hingga 12 tahun. Sekolah Rendah dalam kajian ini hanya melibatkan Sekolah Rendah yang terlibat dengan program j-QAF dan tidak melibatkan Sekolah Rendah Agama, SRJK (Cina), SRJK (Tamil) dan lain-lain yang tidak berkaitan.

1.13 Penutup

Pengetahuan berkenaan perkara asas dalam melaksanakan sesuatu perkara itu sangat penting agar segala tindakan dalam proses pelaksanaan sesuatu arahan atau dasar bertepatan dengan apa yang dikehendaki. Pemahaman yang longgar dan penjelasan yang kabur mengenai sesuatu perkara itu akan merencatkan proses pelaksanaan. Begitulah situasi mudah yang perlu difahami oleh semua pihak dalam merealisasikan matlamat yang mampu membawa kepada suatu perubahan yang lebih baik khususnya dalam pengamalan ibadah dan keagamaan.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad Mohd. Salleh. (1997). *Pendidikan Islam : Falsafah, pedagogi dan metodologi*. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti.
- Ahmad Mohd. Salleh. (2004). *Pendidikan Islam : Falsafah, sejarah dan kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti.
- Al-Bukhary, Muhammad Ismail Abu Abdullah. (1987). *Sahih al-Bukhary*. Tahqiq Dr. Mustafa al-Bagha. Beirut : Dar Ibn Kathir.
- Asmawati Suhid & Lukman Abdul Mutalib. 2009. Tinjauan Terhadap Kem Bestari Solat. *Journal of Islamic Education* 1(1): 15-28
- Azizi Yahya & Abdul Latih Ahmad. (2005). *Persepsi guru dan pelajar terhadap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah-sekolah menengah di Daerah Batu Pahat*. Jurnal Teknologi Pendidikan UTM. Dis 2005.
- Buku Panduan Kursus Pemantapan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam KBSR*. (2007). Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Frederick J Gravetter & Larry B. Wallnau. (2013). *Statistic For The Behavioral Sciences* Wadsworth, Cengage Learning.
- Haron Din. (2002). *Manusia dan Islam*. Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM. (2004). Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Ibrahim Hashim, Misnan Jemali, Muhammad Akramin, Mohd Abdul Nasir, Ahmad zulfikar Shah, Zanariah Noor, Mohd Abdul Aziz Hasanudin Abd Hamid. 2009. Draf Laporan Akhir Penilaian Pelaksanaan Program j-QAF di Sekolah Rendah Kementerian Pelajaran Malaysia. Projek Penyelidikan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

j-QAF. Buku Panduan Perlaksanaan Model-model Pengajaran dan Pembelajaran dan Kokurikulum. (2004). Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kamarul Azmi Jasmy & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam Pengajaran dan Pembelajaran.* Skudai: penerbit UTM

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2003. *Keperihalan Dasar dan Prinsip Kurikulum Semakan Tahun 2003.* Pendidikan Islam dan Bahasa Arab KBSR/KBSM. JAPIM

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2003. *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR.* Cetakan Kedua. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral. Kuala Lumpur. Penerbit: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2004. *Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum j-QAF.* Cetakan Pertama. Bahagian Kurikulum pendidikan Islam dan Moral. Kuala Lumpur. Penerbit. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. *Buku Panduan Pelaksanaan Model-Model Pengajaran dan Pembelajaran kokurikulum j-QAF Tahun 1*. Cetakan ketiga. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral. Kuala Lumpur. Penerbit: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral

Keperihalalan Dasar dan Prinsip Kurikulum Semakan Tahun 2003. Pendidikan Islam dan Bahasa Arab KBSR / KBSM, JAPIM. KPM.

Misnan Jemali, Ekhwan Johan Mustafa, Syed Hassan Syed Isa, Muhammad Faizol Jali dan Mohd Bukhari Yahya. 2009. *Cabaran dan Tekanan Guru j-QAF di Sekolah*. Kajian Penyelidikan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohd. Abd. Halim Mohamed. (2000). *Perbandingan akhlak Islamiyyah di kalangan murid aliran agama dan buka agama di luar bandar*. Satu tinjauan di dua buah sekolah di daerah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan. Latihan Ilmiah Fakulti Pendidikan, UKM.

Noor Azimah Surip & Ab. Halim Tamuri *Penilaian Pelaksanaan Kem Bestari Solat Program j-QAF di Sekolah Rendah*. Kajian di daerah Kuala Selangor

Omar al-Syaibani. (1991). *Falsafah pendidikan Islam*. (Terj.). Shah Alam : Hizbi.

Statistical Package For The Social Science (SPSS) versi 16.0.

Wan Norjihan. (2003). *Panduan Menjadi Fasilitator*. Bentong : PTS Publications and Distributors.

Yusof Boon & Fadzlon Hassan.(2011) *Tahap amalan organisasi pembelajaran di sebuah sekolah menengah daerah Kulaijaya, Johor*. Journal of Educational Management, 4 . pp. 18-33.